PENANG PORT COMMISSION

v.

KANAWANGI SEPERUMANIAM (NO. 2)

MAHKAMAH RAYUAN, KUALA LUMPUR
LAMIN MOHD. YUNUS PMR
ABU MANSOR ALI HMR
AHMAD FAIRUZ HMR
[RAYUAN SIVIL NO: W-03-16-94]
11 SEPTEMBER 1996

PROSEDUR SIVIL: *Injanksi - Pengenepian - Permohonan mengenainya- Samada harus dibuat bagi kali pertamanya di Mahkamah Tinggi - Bidangkuasa Mahkamah - Samada boleh ditanggalkan oleh statut - Akta Mahkamah Keadilan 1964 s. 43.*

PROSEDUR SIVIL: *Injanksi interim - Pengenepian - Perintah dibuat oleh Hakim Mahkamah Rayuan secara berseorangan - Pengepian oleh Mahkamah penuh - Akta Mahkamah Keadilan s. 44(3).*

PROSEDUR SIVIL: *Estoppel - Kaedah umum - Isu bahawa Mahkamah tidak mempunyai bidangkuasa untuk membuat perintah - Pengulangan hujah - Samada boleh membangkitkan estoppel secara res judicata - Samada terkecuali dari kaedah umum.*

Ini adalah permohonan oleh responden untuk mengenepikan dua perintah injanksi yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan masing-masingnya pada 3 Januari 1995 dan 2 Ogos 1995, dan untuk perintah supaya sijil akaun tetap miliknya, yang berada di tangan Mahkamah berikutan perintah 2 Ogos 1995 itu, dikembalikan kepadanya.

Fakta-faktanya ialah, melalui satu guaman sivil yang difailkan di Mahkamah Tinggi, responden telah mendakwa perayu kerana memecatnya dari jawatan penyelia trafik. Responden kemudian memfailkan permohonan A. 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 memohon perintah (i) bahawa tindakan menamatkan perkhidmatannya itu tidak sah; (ii) supaya gantirugi ditaksirkan; dan (iii) bahawa sewaktu perkhidmatannya ditamatkan beliau mempunyai kelayakan yang cukup untuk dipersahkan sebagai penyelia trafik. Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan-permohonan ini melalui perintah bertarikh 18 Julai 1994 dan 20 Ogos 1994. Dan berikutnya, pada 24 Oktober 1994, Timbalan Pendaftar telah mengawardkan gantirugi sebanyak RM2,274,151.42 (perintah gantirugi Pendaftar).

Perayu merayu terhadap perintah Mahkamah Tinggi bagi permohonan perenggan (iii), iaitu melalui rayuan No. W-02-252-94. Perayu juga merayu terhadap perintah gantirugi Pendaftar, dan sekaligus memohon penggantungan pelaksanaan perintah tersebut. Perayu, bagaimanapun, tidak merayu terhadap perintah bagi permohonan perenggan-perenggan (i) dan (ii) di atas.

Permohonan perayu untuk menggantung pelaksanaan perintah gantirugi Pendaftar telah ditolak oleh Timbalan Pendaftar. Responden, sementara itu, telah berjaya mendapatkan perintah garnisan mutlak bagi melaksanakan perintah gantirugi Pendaftar.

Rayuan perayu terhadap perintah garnisan telah ditolak oleh Yang Arif Hakim pada 19 Disember 1994. Berikutan penolakan ini, perayu memfailkan satu notis usul di Mahkamah Rayuan memohon untuk menggantung pelaksanaan perintah gantirugi Pendaftar. Sementara itu, pada 20 Disember 1994, satu perintah penggantungan interim telah dikeluarkan oleh Presiden Mahkamah Rayuan terhadap gantirugi Pendaftar. Notis usul perayu telah didengar pada 3 Januari 1995 dan Mahkamah Rayuan diberitahu bahawa penggantungan perintah gantirugi Pendaftar telah menjadi akademik, oleh kerana jumlah yang diperintah telah pun dibayar oleh Bank Bumiputra (M) Berhad (garnishee) kepada responden (dan disimpan oleh responden dalam satu akaun simpanan tetap). Ekoran perkembangan ini, pada 3 Januari 1995 tersebut, perayu memohon secara lisan supaya injanksi *ex parte* dikeluarkan untuk mencegah responden dari melesapkan wang berkenaan. Permohonan ini dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan dengan perintah supaya permohonan yang sempurna dibuat kemudiannya. Pada 13 Jun 1995, perayu membuat permohonan formal supaya responden (a) menyerahkan sijil akaun simpanan tetapnya kepada Timbalan Pendaftar Mahkamah Rayuan dan (b) tidak melupuskan wang tersebut. Pada 2 Ogos 1995 Mahkamah Rayuan memberi perintah seperti yang dipohon. Sementara itu, di perbicaraan yang sama, responden telah memohon supaya injanksi bertarikh 3 Januari 1995 diketepikan atas alasan bahawa Mahkamah Rayuan tidak mempunyai bidangkuasa untuk mengeluarkannya. Permohonan ini ditolak oleh Mahkamah Rayuan, dan terhadap penolakan ini, permohonan untuk kebenaran merayu telah dibuat oleh responden pada 11 September 1995.

Ekoran perintah 2 Ogos 1995 di atas, iaitu perintah Mahkamah Rayuan membenarkan permohonan-permohonan (a) dan (b), responden juga memohon kepada Mahkamah Persekutuan untuk kebenaran merayu terhadap perintah tersebut. Seperti halnya dengan permohonan pada 11 September 1995, alasan yang diberi ialah Mahkamah Rayuan tidak mempunyai bidangkuasa untuk mengeluarkan injanksi tersebut. Permohonan ini telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan, dan ekoran itu, responden memfailkan permohonannya sekarang untuk mengenepikan kedua-dua perintah injanksi berkenaan. Tidak dinafikan

bahawa dalam permohonannya sekarang alasan yang sama telah dikemukakan oleh responden, iaitu, Mahkamah Rayuan tidak mempunyai bidangkuasa untuk mengeluarkan injanksi-injanksi yang dibantah itu.

Di hadapan Hakim-hakim rayuan yang bijaksana, perayu antara lain menghujahkan bahawa injanksi yang dikeluarkan adalah sah dan selaras dengan kehendak s. 44 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Dihujahkan juga bahawa estoppel secara *res judicata* adalah terpakai di sini bagi mencegah responden dari membangkitkan lagi isu ketiadaan bidangkuasa Mahkamah Rayuan.

Responden menegaskan bahawa terdapat dua rayuan di Mahkamah Rayuan mengenai kes ini, iaitu rayuan atas keputusan Mahkamah Tinggi mengenai status responden dan rayuan mengenai perintah garnisan mutlak. Mengikut responden perintah injunksi itu tiada kaitan dengan rayuan-rayuan ini. Juga ditekankan tentang ketiadaan rayuan terhadap perintah gantirugi. Mengenai kebenaran merayu yang ditolak oleh Mahkamah Persekutuan, responden menyatakan bahawa permohonan tersebut ditolak bukan atas merit, dan oleh itu keengganan Mahkamah Persekutuan memberi kebenaran bukanlah bererti bahawa penghakiman Mahkamah Rayuan itu betul.

Diputuskan:

Oleh Ahmad Fairuz Sheikh Abd. Halim HMR (menyampaikan penghakiman Mahkamah):

[1] Melalui rayuan W-02-252-94 perayu telah merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi berhubung status responden dalam perkhidmatan perayu. Adalah jelas bahawa penaksiran gantirugi tidak boleh menjadi muktamad selagi rayuan ini tidak diputuskan. Justeru itu, injanksi berkenaan adalah selaras dengan s. 44 Akta Mahkamah Penghakiman. Mahkamah Rayuan, dengan itu, boleh mengeluarkan injanksi seperti yang dibuat pada 3 Januari 1995 dan 2 Ogos 1995.

[2] Fakta menunjukkan bahawa perayu telah merayu untuk penggantungan pelaksanaan perintah gantirugi di Mahkamah Tinggi yang menolak permohonan mereka. Tetapi apabila mereka datang ke Mahkamah Rayuan wang berkenaan telahpun dibayar kepada responden. Dalam keadaan sedemikian, tidaklah salah bagi perayu memohon secara lisan supaya wang yang dibayar itu tidak dilesapkan.

[3] Penolakan permohonan responden oleh Mahkamah Persekutuan tidak boleh dikira sebagai suatu keputusan Mahkamah Persekutuan atas merit isu bidangkuasa Mahkamah Rayuan, oleh kerana, di dalam sesuatu permohonan untuk kebenaran merayu, Mahkamah Persekutuan secara amalinya menimbangkan samada wujud atau tidak persoalan undang-undang yang

melibatkan kepentingan awam. Apa yang dipertimbangkan Mahkamah Persekutuan ialah kewajaran perkara-perkara yang dibangkitkan untuk dirayukan itu menjadi sabjek rayuan. Tidak diketahui kenapa Mahkamah Persekutuan menolak permohonan responden di sini dan perbagai tekaan boleh dibuat. Oleh itu, hujah perayu bahawa Mahkamah ini terikat dengan keputusan Mahkamah Persekutuan tidaklah boleh diterima.

[4] Walaupun kaedah umum tidak mengizinkan sesebuah Mahkamah mendengar sesuatu permohonan jika Mahkamah itu telah mendengar dan menyelesaikan perkara yang menjadi subjek permohonan, pengecualian wujud pada kaedah ini. Pengecualian itu berlaku apabila perhatian Mahkamah ditarik kepada fakta Mahkamah tiada bidangkuasa untuk memberi perintah yang telah diberinya itu. Dan apabila sahaja perhatian Mahkamah di tarik kepada perintah yang dibuat tanpa bidangkuasa, tiada pilihan wujud selain daripada mengenepikan perintah itu. Ianya juga merupakan undang-undang terpakai bahawa sesebuah Mahkamah boleh, melalui statut, tidak berbidangkuasa untuk membicarakan sesuatu perkara tertentu.

[5] Mengambil kira ungkapan undang-undang di atas, serta kemandatorian s. 43 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang menyatakan, "it shall be made in the first instance in the High Court", dan juga kepekaan kepada s. 44(3) Akta yang sama yang berbunyi, "every order so made may be discharged or varied by the full Court", dan kesedaran bahawa permohonan responden adalah untuk perintah-perintah 3 Januari 1995 dan 2 Ogos 1995 dilapangkan atau diketepikan, maka Mahkamah ini berpendapat perayu mestilah terlebih dahulu memohon daripada Mahkamah Tinggi injanksi-injanksi berkenaan.

[6] Permohonan sekarang sepatutnya telah dibuat semasa perayu memohon pelaksanaan perintah gantirugi dengan meletakkan prayer alternatif, iaitu, sekiranya Mahkamah menolak permohonan penggantungan pelaksanaan, Mahkamah dipinta membuat perintah supaya wang itu, dengan apa cara jua pun, tidak boleh dilesapkan dengan ianya disimpan atas nama Mahkamah. Ini gagal dibuat oleh perayu, dan oleh itu, adalah tidak wajar bagi Mahkamah Rayuan ini menimbangkan permohonannya untuk injanksi-injanksi itu.

[Perintah kepada responden seperti dipohon.]

*[**English** Translation of Headnotes]*

CIVIL PROCEDURE: *Injunction - Setting aside - Application thereof - Whether to be made in the first instance in High Court - Jurisdiction of Court - Whether removable by statute - Courts of Judicature Act 1964 s. 43.*

CIVIL PROCEDURE: *Interim injunction - Setting aside - Injunctive order by Judge of Court of Appeal sitting alone - Setting aside by full Court - Courts of Judicature Act s. 44(3).*

CIVIL PROCEDURE: *Estoppel - General rule - Issue that Court has no jurisdiction to make order - Rehearing of issue - Whether tantamounted to estoppel by way of res judicata - Whether an exception to the general rule.*

This was an app1ication by the respondent to set aside two injunctive orders given by the Court of Appeal on 3 January 1995 and 2 August 1995 respectively, and for an order that the fixed deposit certificate, which came into the Court's possession following the latter Order, be returned to him.

The facts were that, by a suit filed in the High Court, the respondent commenced action against the appellant for his dismissal as a Traffic Supervisor. Thereafter, the respondent filed an Order 14 application seeking for an order (i) that the act of terminating his service is invalid (ii) that damages be assessed and (iii) that at the time of termination he had all the qualifications to be confirmed as the Traffic Supervisor. The High Court allowed the applications by orders dated 18 July 1994 and 2 August 1994 respectively, and subsequent to that, on 24 October 1994, the Deputy Registrar awarded damages of RM2,274,151.42 (Registrar's assessment).

The appellant appealed against the order in respect of application (iii) aforesaid, i.e. by way of appeal No. W-02-252-94. The appellant also appealed against the Registrar's assessment, and applied for a stay of execution of the order. The appellant, however did not appeal against the order for (i) and (ii) above.

The appellant's application for stay of execution of the Registrar's assessment was dismissed by the Assistant Registrar. The respondent, meanwhile, succeeded in obtaining an absolute garnishment order to execute the Registrar's assessment.

The appellant's appeal against the garnishment order was dismissed by the learned Judge on 19 December 1994. Pursuant to this, the appellant filed a notice of motion in the Court of Appeal seeking to stay the execution of the Registrar's assessment. Meanwhile, on 20 December 1994, an interim order for stay was issued by the President of the Court of Appeal against the Registrar's assessment. The appellant's notice of motion was heard on 3 January 1995, whereupon the Court of Appeal was informed that any stay of the Registrar's assessment would only be academic, as the sum ordered had been paid by Bank Bumiputra (M) Berhad (garnishee) to the respondent (and was deposited by the respondent in a fixed deposit account). On 3 January 1995, the appellant orally applied for an *ex parte* injunction to restrain the

respondent from dissipating the monies. This application was allowed by the Court of Appeal with an order that a proper application be made later. On 13 June 1995, the appellant made a formal application for the respondent (a) to surrender the fixed deposit certificate to the Assistant Registrar, Court of Appeal and (b) not to dissipate the monies. On 2 August 1995 the Court of Appeal gave the order as prayed. Meanwhile, at the same hearing, the respondent applied to set aside the injunction of 3 January 1995, citing as grounds therefor, the Court of Appeal's lack of jurisdiction to issue such an order. This application was dismissed by the Court of Appeal, wherefore on 11 September 1995, the respondent applied for leave to appeal.

Following the order of 2 August 1995 above, i.e. the order of the Court of Appeal allowing applications (a) and (b), the respondent also applied to the Federal Court for leave to appeal against the said order. Just as in the application of 11 September 1995, the application was grounded on the allegation that the Court of Appeal has no jurisdiction to issue the said injunction. This application was dismissed by the Federal Court, and the respondent hence filed his present application to have both injunctions set aside. Yet again, in the present application, the same ground was submitted i.e. that the Court of Appeal has no jurisdiction to issue the impunged injunctions.

Before the learned appeal Judges, the appellant submitted *inter alia* that the injunction has complied with the requirements of s. 44 Courts of Judicature Act 1964 and is therefore valid. They also submitted that estoppel by way of *res judicata* had arisen herein as to restrain the respondent from raising again the issue of the Court of Appeal's lack of jurisdiction.

The respondent argued that there were two appeals in the Court of Appeal pertaining to this case, namely the appeal on the decision of the High Court on the status of the respondent and the appeal in respect of the garnishment order. These appeals, according to the respondent, were not related to the injunctions. Also raised was the absence of an appeal against the order for damages. As for leave to appeal, the application which had been dismissed by the Federal Court, it was the respondent's contention that the said application was dismissed not on merit, and as such, the refusal to grant leave did not imply that the Court of Appeal was wrong in its judgment.

Held:

Per Ahmad Fairuz Sheikh Abd. Halim JCA (delivering the judgment of the Court):

[1] By appeal No.W-02-252-94 the appellant had appealed against the decision of the High Court in respect of the respondent's status in its service. It is clear that so long as this appeal has not been decided the assessment

for damages cannot be final. This being the case, the injunction is in accord with the requirement of s. 44 Courts of Judicature Act. The Court of Appeal, therefore, was entitled to issue the injunctions of 3 January 1995 and 2 August 1995.

[2] The facts showed that the appellant had applied for a stay of execution of the Registrar's assessment to the High Court which dismissed their application. But when they came to the Court of Appeal the moneys had been paid to the respondent. This being the case, it is not inappropriate for the appellant to have orally applied that the moneys paid out be not dissipated.

[3] The dismissal of the respondent's application by the Federal Court should not be considered as a decision of that Court on the merits of the issue of jurisdiction of the Court of Appeal as, in an application for leave to appeal, the Federal Court in practice only considered the existence or otherwise of questions of law involving public interest. What is being considered by the Federal Court is the appropriateness of the matters raised as a subject for appeal. It is not known why the Federal Court dismissed the respondent's application herein and much conjecture can be made of that. In the circumstances, the appellant's submission that this Court is bound by the decision of the Federal Court is unsustainable.

[4] Even though the general rule is that once a Court has heard a matter and disposed of the same, it will not hear the same application again, there is an exception to this rule. This exception operates when the attention of the Court is drawn to the fact that the Court has no jurisdiction to give the said Order. And once the Court's attention was brought that the order had been made without jurisdiction, there was no alternative but to set aside the said order. It is also settled law that a Court may, by statute, lack jurisdiction to deal with a particular matter.

[5] Bearing in mind the rules and principles aforesaid, and the mandatoriness of s. 43 of the Courts of Judicature Act 1964 that states, "it shall be made in the first instance in the High Court", and also the sensitivity of s. 44(3) of the same Act which reads, "every order so made may be discharged or varied by the full Court", and the fact that the respondent's application was to vacate or set aside of the orders of 3 January 1995 and 2 August 1995, this Court is of the opinion that the appellant ought to have first applied to the High Court for the said injunctions.

[6] This present application should have been made when the appellant applies for the execution of the Registrar's assessment, by placing an alternative prayer, namely, if the Court dismisses the application for stay of execution, the Court is requested to make an order that the moneys, by whatsoever

means, should not be dissipated by entrusting the same to the Court. This the appellant failed to do. It is thus not proper for this Court to consider the appellant's application for the injunctions.

[Order in terms of respondent's application.]

Kes yang dirujuk:
Munks v. Munks, Solicitors' Journal, Vol. 129, p. 65 ***(dirujuk)***
Wilkinson v. Barking Corporation [1948] Vol. 1, Queen's Bench, p. 72 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Mahkamah Kehakiman 1964, ss. 43, 44(3)

Bagi pihak perayu - Raja Aziz Addruse (Ramsun C.H. Ho & Sharifah Intan Aidid bersamanya); T/n. Lim Huck Aik & Co.
Bagi pihak responden - R.R. Sethu (K. Balaguru bersamanya); T/n. Khana & Co.

PENGHAKIMAN

Ahmad Fairuz HMR:

Melalui Lampiran (31a), responden, Kanawagi a/l Seperumaniam, memohon supaya injanksi-injanksi yang diberikan oleh Mahkamah ini pada 3 Januari 1995 dan 2 Ogos 1995 diketepikan dengan kos. Juga dipohon agar sijil akaun simpanan tetap responden yang berada dengan Mahkamah berikutan perintah 2 Ogos 1995 itu dikembalikan kepadanya selain dari kerugian yang dialami oleh responden akibat injanksi-injanksi tersebut ditaksirkan oleh Timbalan Pendaftar.

Affidavit-affidavit yang dikemukakan dalam permohonan ini menunjukkan –

(a) Responden bekerja dengan perayu sebagai seorang kerani mulai 1 Mei 1970. Pada 1 Ogos 1975, responden bertugas sebagai penyelia trafik (traffic supervisor). Pada 1 Oktober 1981 responden telah digantung kerja (interdicted). Pada 18 Februari 1985 responden dipanggil balik untuk bertugas dalam jawatan kerani. Responden menganggap tindakan ini sebagai suatu penurunan pangkat (demotion) dan pemecatan konstruktif (constructive dismissal). Pada 1 Mac 1985 responden dipecat (dismissed).

(b) Responden mendakwa perayu di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur melalui Guaman Sivil No: S1-22-208-87. Di dalam guaman sivil itu responden pohon (di bawah A. 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980):

(i) supaya tindakan lembaga disiplin perayu dalam menamatkan perkhidmatan responden dideklarasikan sebagai *ultra vires* Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 (Penang Port Commission Act) dan kerana itu batal dan tidak sah (null and void):

(ii) deklarasi bahawa responden yang telah lulus dalam peperiksaan Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia 1976 telah memenuhi syarat

yang ditetapkan didalam surat perayu bertarikh 26 Julai 1975 untuk dipersahkan sebagai Penyelia Trafik di dalam perkhidmatan perayu;

(iii) supaya gantirugi yang ditanggung oleh responden ditaksirkan oleh Timbalan Pendaftar; dan

(iv) kos permohonannya dijelaskan oleh perayu.

(c) Pada 18 Julai 1994 Mahkamah Tinggi memberi perintah seperti dipohon dalam perenggan-perenggan (i), (iii) dan (iv) (di perenggan (b) di atas). Tiada rayuan dibuat terhadap perintah ini.

(d) Pada 15 Oktober 1994 Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi memulakan perbicaraan taksiran gantirugi.

(e) Pada 20 Oktober 1994 Hakim Mahkamah Tinggi memberi perintah seperti yang dipohon di dalam perenggan (ii) (di perenggan (b) di atas).

(f) Pada 24 Oktober 1994 Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi menganugerahkan gantirugi sebanyak RM2,274,151.42 kepada responden (selepas ini disebutkan 'perintah gantirugi'). Perayu memfailkan rayuan terhadap keputusan Timbalan Pendaftar ini dan secara lisan telah memohon supaya digantungkan pelaksanaan perintah gantirugi itu. Permohonan lisan itu ditolak oleh Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi. Pada 3 November 1994 perayu memohon secara formal untuk penggantungan pelaksanaan perintah gantirugi itu. Permohonan ini juga ditolak kerana Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi berpendapat bahawa ianya telahpun *functus officio.*

(g) Pada 11 November 1994 responden membuat permohonan untuk perintah garnisan (garnishment) bagi maksud melaksanakan perintah gantirugi itu.

(h) Pada 18 November 1994 perayu membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan atas keputusan yang dibuat oleh Hakim mengenai prayer yang kedua yang diberi pada 20 Oktober 1994 (lihat perenggan (e) di atas).

(i) Pada 23 November 1994 Notis untuk menunjukkan sebab kenapa perintah garnisan tidak wajar dimutlakkan (absolute) telah dikeluarkan kepada Bank Bumiputra.

(j) Pada 6 Disember 1994 perayu memohon untuk membatalkan (strike out) perintah garnisan.

(k) Pada 7 Disember 1994 perintah garnisan telah dimutlakkan. Pada 8 Disember 1994 perayu telah merayu kepada Hakim dalam kamar atas perintah ini. Pada 19 Disember 1994 Hakim telah menolak rayuan perayu itu.

(l) Pada 8 Disember 1994 perayu memohon kepada Hakim Mahkamah Tinggi supaya menggantungkan pelaksanaan perintah gantirugi. Pada 19 Disember 1994 Hakim menolak permohonan perayu itu. Pada hari yang sama perayu memfailkan suatu Notis Usul di dalam Mahkamah Rayuan untuk memohon

penggantungan pelaksanaan perintah gantirugi itu. Pada 20 Disember 1994 Peguam perayu membuat permohonan lisan kepada Presiden Mahkamah Rayuan untuk suatu penggantungan interim (interim stay) atas perintah gantirugi itu. Perintah penggantungan interim diberi oleh Presiden Mahkamah Rayuan yang juga telah menetapkan perbicaraan Notis Usul pada 3 Januari 1995. Semasa Notis Usul perayu dibicarakan pada 3 Januari 1995, Mahkamah Rayuan telah dimaklumkan bahawa permohonan untuk penggantungan perintah gantirugi itu telah menjadi akademik kerana jumlah yang diperintahkan oleh perintah gantirugi itu telahpun dibayar oleh pihak yang digarnis (garnishee) kepada responden. Oleh demikian perayu dengan secara lisan memohon supaya suatu injanksi *ex parte* dikeluarkan untuk mencegah (refrain) responden daripada melesapkan (dissipating) jumlah wang yang telah diberi oleh perintah gantirugi itu. Mahkamah Rayuan meluluskan permohonan lisan perayu itu di samping mengarahkan Peguambela perayu supaya membuat permohonan yang sempurna (proper application). Enam bulan kemudian, iaitu pada 13 Jun 1995, perayu membuat suatu permohonan formal kepada Mahkamah Rayuan supaya responden menyerahkan sijil akaun simpanan tetap (di mana responden telah menyimpan wang yang diperolehinya melalui perintah gantirugi itu) kepada Timbalan Pendaftar Mahkamah Rayuan dan supaya responden, "samada secara sendiri, wakil atau ejennya, atau dalam apa cara jua, dilarang dari mengeluarkan, mengurus, melupus atau memindah dari bidangkuasa Mahkamah ini sebarang wang yang terdapat dalam akaun simpanan tetap itu sehingga perintah Mahkamah yang selanjutnya". Pada 2 Ogos 1995 Mahkamah Rayuan mendengar permohonan perayu itu dan memberi perintah seperti dipohon. Permohonan responden supaya injanksi yang dikeluarkan pada 3 Januari 1995 diketepikan juga ditolak oleh Mahkamah Rayuan. Di dalam permohonan responden itu, isu yang sama seperti di dalam permohonan responden sekarang ini dibangkitkan – iaitu Mahkamah Rayuan tidak mempunyai bidangkuasa.

(m) Pada 3 Ogos 1995 responden membuat permohonan kepada Mahkamah Persekutuan untuk kebenaran merayu atas keputusan Mahkamah Rayuan pada 2 Ogos 1995 itu – iaitu keputusan mengeluarkan perintah injanksi. Pada 7 Ogos 1995 Mahkamah Persekutuan menolak permohonan responden itu. Di Mahkamah Persekutuan itu isu mengenai bidangkuasa Mahkamah Rayuan dibangkitkan juga oleh responden.

(n) Pada 1 September 1995 pihak responden memohon untuk kebenaran merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang dibuat pada 2 Ogos 1995 yang menolak permohonan responden untuk mengenepikan perintah yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan pada 3 Januari 1995.

Peguambela terpelajar perayu menekankan fakta responden menimbulkan isu bidangkuasa Mahkamah Rayuan dalam permohonannya untuk mengenepikan perintah 3 Januari 1995 dan juga di dalam permohonannya untuk mendapatkan kebenaran merayu dari Mahkamah Persekutuan. Kerana itu pihak responden

tidak patut dibenarkan menghujahkan isu yang sama lagi dalam permohonannya ini. Jika dibenarkan maka responden ketara telah menyalahgunakan proses Mahkamah. Peguambela terpelajar perayu juga menghujahkan bahawa estoppel secara *res judicata* adalah terpakai di dalam permohonan ini. Seterusnya Peguam terpelajar perayu telah menarik perhatian Mahkamah ini kepada kewujudan suatu rayuan di dalam Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang memberi perintah seperti dipohon di dalam perenggan (ii) (di perenggan 2(b) di atas) dan nombor rayuan itu ialah W-02-252-94. Keputusan Mahkamah Tinggi itu adalah berhubung dengan status responden dalam perkhidmatannya dengan perayu. Keputusan status itu, ujar Peguam terpelajar perayu, akan menentukan kuantum gantirugi yang wajar diberi kepada responden. Kerana itu, tegas Peguam terpelajar perayu, dan kerana adanya rayuan itu yang masih belum dibicarakan oleh Mahkamah ini, Mahkamah Rayuan bolehlah mengeluarkan injanksi seperti yang telah dibuat pada 3 Januari 1995. Kami bersetuju dengan penghujahan Peguam terpelajar perayu ini. Selain dari ini, Peguam terpelajar perayu juga menegaskan bahawa mereka telah memohon untuk penggantungan pelaksanaan perintah gantirugi di Mahkamah Tinggi yang menolak permohonan mereka itu. Kerana itu mereka telah datang ke Mahkamah Rayuan dan membuat permohonan untuk penggantungan pelaksanaan perintah gantirugi. Dan pada masa itu wang dalam perintah gantirugi itu telahpun dibayar. Lantas Peguam terpelajar perayu telah secara lisan memohon supaya wang yang telah dibayar itu tidak dilesapkan (dissipated).

Peguam terpelajar responden pula menyingkapkan perihal terdapatnya dua rayuan di Mahkamah Rayuan mengenai kes ini. Satunya ialah rayuan atas keputusan Mahkamah Tinggi mengenai perenggan (ii) (di perenggan 2(b) di atas), dan yang satu lagi ialah mengenai perintah garnisan mutlak. Mengikut Peguam terpelajar responden lagi, perintah injanksi itu tiada kaitan dengan rayuan-rayuan itu. Ditekankan oleh Peguam terpelajar responden akan ketiadaan rayuan terhadap perintah gantirugi. Mengenai permohonan responden untuk kebenaran merayu dari Mahkamah Persekutuan, Peguam terpelajar responden menekankan bahawa Mahkamah Persekutuan tidak membuat keputusan atas merit. Beliau selanjutnya menyatakan bahawa keengganan Mahkamah Persekutuan memberi kebenaran bukanlah bererti bahawa penghakiman Mahkamah Rayuan itu betul (refusal of leave is not affirmation that the judgment of the Court of Appeal was correct). Dalam hal ini kami berpendapat bahawa penolakkan permohonan responden untuk kebenaran merayu oleh Mahkamah Persekutuan tidaklah boleh dikira sebagai suatu keputusan Mahkamah Persekutuan atas merit isu bidangkuasa Mahkamah Rayuan itu kerana di dalam sesuatu permohonan untuk kebenaran untuk merayu, Mahkamah Persekutuan secara amalinya menimbangkan samada wujud atau tidak persoalan undang-undang yang melibatkan kepentingan awam. Oleh demikian, kami berpendapat tidaklah boleh diterima penghujahan Peguam terpelajar perayu yang menganjurkan bahawa

Mahkamah ini adalah terikat dengan keputusan yang di buat oleh Mahkamah Persekutuan itu. Lagi pula, seperti yang dikatakan oleh Peguam terpelajar responden. Mahkamah Persekutuan tidak memutuskan isu bidangkuasa Mahkamah Rayuan atas merit. Yang dipertimbangkan Mahkamah Persekutuan ketika itu ialah kewajaran perkara-perkara yang dibangkitkan untuk dirayukan itu menjadi subjek rayuan. Tidak diketahui kenapa Mahkamah Persekutuan menolak permohonan responden itu. Pelbagai tekaan boleh dibuat. Antaranya ialah kemungkinan kehadiran s. 44(3) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Courts of Judicature Act) yang mendesakan penolakan itu. Dengan lain perkataan kuasa di dalam s. 44(3) itu tidak memberi hak kepada responden untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan itu. Ini tidak dapat dinafikan sebagai suatu kemungkinan yang menasabah.

Menyentuh perkara rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi mengenai perenggan (ii) (di perenggan 2(b) di atas) Peguam terpelajar perayu menitikberatkan ketidakmungkinan penaksiran gantirugi menjadi muktamad selagi rayuan atas keputusan Mahkamah Tinggi itu tidak diputuskan. Justeru itu injanksi-injanksi itu adalah selaras dengan kehendak s. 44 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Kami bersetuju permohonan untuk injanksi-injanksi itu boleh dibuat dibawah s. 44 kerana adanya rayuan atas keputusan Mahkamah Tinggi mengenai perenggan (ii); dan rayuan itu masih belum dibicarakan lagi.

Dalam penghujahan bertulisnya Peguam terpelajar responden mengakui bahawa kaedah umum tidak mengizinkan sesebuah Mahkamah mendengar sesuatu permohonan jika Mahkamah itu telah mendengar dan menyelesaikan perkara yang menjadi subjek permohonan itu **("... the general rule is that once a Court has heard a matter and disposed of the same, it will not hear the same application again")**. Bagaimanapun Peguam responden bersetuju adanya pengecualian pada kaedah itu. Pengecualian itu berlaku apabila perhatian Mahkamah ditarik kepada fakta Mahkamah tiada bidangkuasa untuk memberi perintah yang telah diberinya itu **("... An exception to this rule is that when it is brought to the Court's attention that the Court had no jurisdiction to grant the order it previously did ...").** Selanjutnya Peguam terpelajar responden telah merujuk kepada kes *Munks v. Munks,* Solicitors' Journal Vol. 129, 65, di mana Mahkamah Rayuan Inggeris telah menetapkan bahawa seseorang adalah berhak, *ex debito justitiae*, mengenepikan perintah yang dibuat tanpa bidangkuasa. Kaedah khilaf (slip rule) di bawah A. 20 k. 1 atau bidangkuasa sedia ada (inherent jurisdiction) tidak boleh menyelamatnya seperti yang Ewbank H cuba membuatnya. Apabila saja perhatian Mahkamah ditarik kepada perintah yang dibuat tanpa bidangkuasa itu, tiada pilihan wujud selain daripada mengenepikan perintah itu. Perkara tindakan telah diambil mengikut perintah itu adalah tidak relevan. Bidangkuasa tidak boleh dianugerahkan secara persetujuan atau estopel. Ini adalah suatu prinsip yang mantap. Barangsiapa

yang terjejas dengan perintah itu adalah berhak untuk mengenepikan perintah itu *("... Moreover, an order made without jurisdiction which one was entitled, ex debito justitiae, to have set aside, could not be saved by the slip rule under O. 20 r. 1 or by the inherent jurisdiction of the Court as Ewbank J had sought to do. Once the Court's attention was brought to the face the order had been made without jurisdiction, there is no alternative but to set it aside. The fact that the order was acted upon is irrelevant. It was well established that jurisdiction cannot be conferred by consent or estoppel. Moreover, any person might be effected by such an order would be entitled as of right to set it aside ...")*. Seterusnya Peguam responden merujuk kepada kes *Wilkinson v. Barking Corporation* [1948] Vol. 1 Queen's Bench, p. 721, (di m.s. 725) yang menegaskan bahawa Mahkamah Agung boleh, melalui statut, tidak berbidangkuasa untuk membicarakan sesuatu perkara tertentu. Namun demikian ianya mempunyai bidangkuasa untuk memutuskan samada ia mempunyai atau tidak mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan perkara itu **("... The Supreme Court, may, by statute, lack jurisdiction to deal with a particular matter ... but it has jurisdiction to decide whether or not it has jurisdiction to deal with such a matter ...").** Berpandukan dengan:

(a) ungkapan-ungkapan perundangan ini;

(b) kemandatorian s. 43 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang menggunakan perkataan-perkataan, **"... it shall be made in the first instance to the High Court";**

(c) kepekaan kepada s. 44(3) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang berbunyi, **"(3) ... Every order so made may be discharged or varied by the full Court";**

dan

(d) kesedaran bahawa permohonan responden adalah untuk perintah-perintah 3 Januari 1995 dan 2 Ogos 1995 dilapangkan atau diketepikan (discharge);

Kami berpendapat bahawa perayu mestilah terlebih dahulu memohon daripada Mahkamah Tinggi injanksi-injanksi berkenaan. Dan Peguam terpelajar perayu mengakui telah gagal melakukannya. Sepatutnya ia telah membuat demikian semasa memohon penggantungan pelaksanaan perintah gantirugi dengan meletakkan prayer alternatif iaitu sekiranya Mahkamah menolak permohonan penggantungan pelaksanaan, Mahkamah dipinta membuat perintah supaya wang itu, dengan apa cara juapun, tidak boleh dilesapkan dengan ianya disimpan atas nama Mahkamah. Kerana itu tidaklah wajar bagi Mahkamah Rayuan ini menimbangkan permohonan perayu untuk injanksi-injanksi itu. Oleh demikian kami memberi perintah seperti dipohon kepada responden.

Dilaporkan oleh W.A. Sharif